

08 JUL 2003

MT UMNO TELITI CADANGAN CALON ISYTIHAR HARTA

KUALA NERANG, 8 Julai (Bernama) -- Majlis Tertinggi Umno (MT) akan meneliti terlebih dahulu cadangan supaya calon parti itu pada pilihan raya akan datang melakukan pengisytiharan harta.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata cadangan itu adalah bagus kerana ia dapat mengelakkan timbul pelbagai isu negatif semasa pilihan raya.

"Cadangan itu bagus dan ia akan dipertimbangkan pada mesyuarat MT akan datang," katanya kepada pemberita selepas melawat dan mendengar taklimat mengenai projek pembangunan pintu sempadan yang dikenali Kota Putra, Durian Burung dekat sini hari ini.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob semalam berkata setiap anggota parti yang dicalonkan pada pilihan raya umum akan datang perlu mengisytiharkan harta masing-masing.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata cadangan itu tidak memerlukan sebarang pindaan terhadap perlembagaan parti kerana ia hanya bersifat pentadbiran.

Beliau berkata sekiranya cadangan itu dilaksanakan tetapi kemudiannya masih ada yang didapati menipu pengisytiharan harta berkenaan maka parti akan mengambil tindakan tegas terhadap calon berkenaan.

-- BERNAMA

MZM AZH